

Struktur ban tidak kukuh perlu dinaik taraf

SEMENTARA itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Tok Muda, Masfangi Ahmad berkata, pihak berkenaan perlu menaik taraf segera ban yang ada sekarang mengikut ketinggian bersesuaian.

“Ban yang sedia ada sekarang ini sudah lama, iaitu hampir 60 tahun dan strukturnya juga sudah tidak kuat se-

“ Ban sedia ada sekarang ini sudah lama, iaitu hampir 60 tahun dan strukturnya juga sudah tidak kuat seperti dahulu.” - Masfangi

perti dahulu.

“Jadi ia harus dinaik taraf segera kerana khuatir kejadian yang sama akan berulang,” kata-

nya ketika turun padang meninjau lokasi ban yang pecah.

Jika ban terus dirempuh air, katanya, ia amat menakutkan penduduk yang tinggal berdekatan ban yang memaklumkan melihat air laut seumpama tsunami memasuki kawasan kediaman mereka.

“Saya risau air akan melimpah ke kawasan kampung berdekatan jika air laut terus pasang,” katanya.



Masfangi menunjukkan keadaan ban yang pecah dibadai air laut pasang, baru-baru ini.